

08 MAY 2002

Malaysia-Amerika/I

LAWATAN DR MAHATHIR KE WASHINGTON UNTUK RAPATKAN HUBUNGAN

Oleh: E.Sivabalan dan S.Retnanathan

KUALA LUMPUR, 8 Mei (Bernama) -- Lawatan rasmi pertama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Washington minggu depan merupakan langkah besar ke arah mengukuhkan hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat.

Para diplomat berkata pertemuan Perdana Menteri dengan Presiden George W. Bush di White House akan berkemungkinan mencergaskan hubungan dua hala serta mengurangkan salah faham.

Duta Amerika Marie T.Huhtala, dalam satu temuramah dengan Bernama di sini hari ini, berkata hubungan Amerika-Malaysia kini tetap kukuh seperti dahulu.

"Mungkin ia lebih kukuh dalam beberapa tahun ini. Kita sentiasa mempunyai hubungan yang baik antara Amerika dan Malaysia.

"Tetapi saya berpendapat hubungan begitu rapat terutamanya sekarang, dan ini kerana Malaysia merupakan sebuah daripada rakan terbaik kami di rantau ini dalam peperangan menentang keganasan, " katanya.

Huhtala berkata Amerika sentiasa menganggap Malaysia sebagai "kawan, rakan dagangan yang amat baik, sebagai sebuah negara yang kami boleh mengadakan hubungan perniagaan."

"Saya berpendapat adalah tepat untuk menyatakan bahawa sejak 11 Sept, Malaysia menjadi semakin penting bagi Amerika Syarikat," kata duta itu.

Ini katanya disebabkan kerjasama cemerlang yang diberikan Malaysia kepada Amerika dalam menentang keganasan yang kini merupakan isu nombor satu bagi Washington.

Huhtala berkata adalah amat bermakna sekali apabila Dr Mahathir dapat menerima jemputan Bush untuk mengunjungi Amerika dari 13 hingga 16 Mei ini.

"Saya rasa kedua-dua pemimpin mempunyai banyak isu penting yang perlu mereka bincangkan buat masa ini," katanya.

Beliau berkata Amerika dan Malaysia berkongsi banyak nilai serupa seperti demokrasi, perusahaan bebas dan masyarakat pelbagai kaum.

"Kami amat gembira untuk bekerjasama rapat dengan Malaysia," katanya.

Selain bertemu Bush, Dr Mahathir dijangka mengadakan perbincangan dengan Naib Presiden Dick Cheney, Setiausaha Negara Colin Powell, Setiausaha Pertahanan Donald Rumsfeld dan Pengerusi Lembaga Simpanan Persekutuan Amerika Alan Greenspan.

Perdana Menteri berkata baru-baru ini bahawa beliau akan membincangkan penderitaan rakyat Palestin dengan Bush.

Para diplomat berkata pentadbiran Bush perlu mengambil perhatian serius kepada apa yang akan diperkatakan Perdana Menteri mengenai rakyat Palestin dan isu dunia.

"Ini kerana Dr Mahathir bukan sahaja pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam tetapi beliau juga mengetuai Pergerakan Berkecuali untuk tiga tahun akan datang," kata seorang diplomat.

Menurut seorang jurucakap White House seperti yang dilaporkan Oktober lepas, Bush pertama kali berhubung dengan Dr Mahathir melalui telefon selepas peristiwa 11 Sept.

Kedua-dua pemimpin pertama kali berjumpa di Shanghai, China, pada acara sampingan mesyuarat Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik Oktober Lepas.

Isu lain yang kemungkinan menguasai pertemuan antara Dr Mahathir dan Bush itu termasuk keganasan, perdagangan dan isu ekonomi.

Malaysia merupakan rakan dagang ke-11 terbesar Amerika dan pasaran eksport ke-17 terbesar. Eksport ke Amerika berjumlah US\$17.9 bilion sementara Malaysia di tahap US\$11.8 bilion.

Pelaburan Amerika di Malaysia dari 1996-2000 berjumlah US\$6 bilion
sementara dari 2000-2001 sebanyak US\$2.9 bilion.

-- BERNAMA

ES SR JK RON